

20/02/2004

SIC ikat GT Jepun tiga tahun

Zairee Zahir

SEPANG International Circuit (SIC) menandatangani perjanjian dengan Persatuan GT Jepun (JGTA) semalam untuk menganjurkan perlumbaan GT Jepun di Malaysia selama tiga tahun sehingga 2006.

Kedua-dua pihak juga bersetuju perlumbaan pusingan di Malaysia menjadi salah satu pusingan rasmi, di mana pemenang akan diberikan mata dalam kedudukan juara keseluruhan membabitkan lebih tujuh siri perlumbaan.

Mengikut perjanjian itu, SIC juga diberi hak untuk mencari penaja rasmi bagi hak komersil perlumbaan di Malaysia serta menganjurkan perlumbaan sokongan, hospitaliti, barangan dan hak penjualan makanan dan minuman.

SIC diwakili pengurusinya Datuk Mokhzani Tun Mahathir manakala Kunimitsu Takahashi menandatangani bagi pihak JGTA di Kuala Lumpur, semalam.

Perlumbaan pusingan Malaysia Kejuaraan GT Jepun 2004 dijadualkan berlangsung pada 18 dan 19 Jun ini. Ini adalah perlumbaan kali keempat diadakan di Malaysia sejak 2000 di mana dua perlumbaan pertama adalah perlumbaan pertunjukan manakala 2002 menjadi perlumbaan pusingan rasmi.

Tahun lalu, perlumbaan di Malaysia yang sepatutnya diadakan pertengahan Jun dibatalkan pada saat-saat akhir kerana wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Mokhzani berkata, perlumbaan tahun lalu tidak dapat diadakan walaupun persiapan sudah dilakukan.

"SIC dan peminat sukan permotoran di Malaysia dan rantau ini tertunggu-tunggu kemunculan semula perlumbaan GT Jepun lagi di Litar Sepang. Selepas tiga edisi yang penuh kejayaan, SIC dan JGTA akan menyuntik elemen baru bagi memastikan perlumbaan pusingan di Malaysia lebih mendebar dan menyeronokkan peminat.

"Buat kesekian kalinya, perlumbaan tidak diadakan pada Ahad, sebaliknya pada Sabtu ketiga di mana peminat dari sektor awam dan swasta tidak bekerja," katanya.

Selain itu, rasional mengadakan perlumbaan pada Sabtu ialah untuk memberi kesempatan kepada peminat di luar Selangor, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur menyaksikan perlumbaan GT Jepun dan perlumbaan sokongan lain yang akan berlangsung sehingga tengah malam.

Selain Kejuaraan Malaysia GT Jepun 2004, perlumbaan Super Siri Malaysia (MSS) juga akan diadakan di mana peminat tempatan bakal dihidangkan aksi perlumbaan Pusingan 3 bagi Kejuaraan Supercars dan Supersixteen.